



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**MENILAI TAHAP KEBOLEHBACAAN BUKU-BUKU TEKS
BAHASA MALAYSIA TINGKATAN SATU KBSM**

JASIMAH BINTI HASHIM

FPP 1998 64

**MENILAI TAHAP KEBOLEHBACAAN BUKU-BUKU TEKS
BAHASA MALAYSIA TINGKATAN SATU KBSM**

Oleh

JASIMAH BINTI HASHIM

**Projek Kajian Yang Dikemukakan Sebagai Sebahagian Syarat
Untuk Mendapatkan Ijazah Master Sains
Di Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia**

MEI 1998



Diabadikan

Cabaran demi cabaran dilalui,
Pengorbanan demi pengorbanan dilalui,
Segala pahit, manis dirasakan,
Tak kenal rasa jemu,
Tanpa mengenal erti masa
Berlalu

Istimewa

Bonda dan seisi keluarga,
Yang memahami dan merestui,
Perjalanan ini

Rakan-rakan seperjuangan,
Rakan-rakan sejawatan,
Rakan-rakan serumah,
Yang memberikan kerjasama dan motivasi
Dalam memahami kepentingan ilmu

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dengan segala limpah hidayat-Nya, kerana dapat menyiapkan projek ini bagi memenuhi sebahagian syarat penganugerahan Ijazah Master Sains.

Setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada Penyelia Projek, Encik Mohd. Zainuddin bin Hashim di atas segala minat, kesabaran dan dedikasi beliau di dalam menunjuk ajar, membimbing serta memberi pandangan sepanjang penghasilan projek ini. Segala usaha beliau amatlah disanjung dan dihargai. Semoga Allah yang membalas jasa baik beliau.

Dalam kesempatan ini juga, diucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih kepada semua pensyarah di Fakulti Pengajian Pendidikan dan Fakulti Pengajian Bahasa Moden serta rakan-rakan seperjuangan program Master Sains, atas segala ilmu yang dicurahkan semasa mengikuti kuliah dan perbincangan, dapat dimanfaatkan semasa menghasilkan projek ini. Segala budi sekalian akan tetap dikenang.

Tidak dilupakan kepada Pengetua, Guru-guru Penolong Kanan, guru-guru khasnya Encik Mohd. Yusof Abd. Majid dan pelajar-pelajar Tingkatan Satu Sekolah Tinggi Muar, yang telah memberikan kerjasama, komitmen dan dorongan bagi menghasilkan projek ini, diucapkan ribuan terima kasih.

Akhir sekali, segala kebaikan yang dilakukan itu datangnye daripada Allah Subhanahu Wata'ala dan memperoleh keberkatan daripada segala usaha yang telah dilakukan. Semoga projek yang dihasilkan ini dapat dijadikan panduan dan diaplikasikan dalam proses pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Terima kasih.

KANDUNGAN

Isi Kandungan	Halaman
PENGHARGAAN	iii
SENARAI JADUAL	vii
ABSTRAK	ix
ABSTRACT	xii
BAB	
1 PENDAHULUAN	1
Pengenalan	1
Pernyataan Masalah	6
Objektif Kajian	8
Soalan Kajian	9
Hipotesis Kajian	10
Kepentingan Kajian	11
Definisi Operasional	13
Buku Teks	13
Tahap Kebolehbacaan	13
Pembolehuubah kebolehbacaan	14
Prosedur Klot	14
Batasan Kajian	15

II	SOROTAN BAHAN KAJIAN BERKAITAN	17
	Pengenalan	17
	Kajian Buku Teks Bukan Bahasa	18
	Kajian Buku Teks Bahasa	21
	Kebolehbacaan Bahan	25
	Prosedur Kloz	30
	Teori-Teori Yang Berkaitan Dengan Prosedur Kloz	33
III	KAEDAH DAN PROSEDUR KLOZ	36
	Kaedah kajian	36
	Pembinaan Ujian Kloz	38
	Populasi dan Persampelan	40
	Prosedur Menentukan Kebolehbacaan Bahan	41
	Prosedur Menggunakan Formula Kebolehbacaan	42
	Cara Pengiraan Formula Khadijah Rohani	43
	Prosedur Menggunakan Teknik Kloz	44
	Penganalisan Data	46
IV	DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN	49
	Pengenalan	49
	Analisis Secara Deskriptif	50
	Tahap Kebolehbacaan Buku-buku Teks Bahasa Malaysia Ting Satu dengan Menggunakan Formula Khadijah Rohani	50

	Tahap Kebolehbacaan Buku-buku Teks Bahasa Malaysia Ting. Satu dengan menggunakan Prosedur Kloz	55
	Perbandingan Tahap Kebolehbacaan buku-buku teks Bahasa Malaysia Ting. Satu Menggunakan Formula Khadijah Rohani dan Prosedur Kloz	63
	Analisis Secara Infrensi	68
	Perbandingan Tahap Kebolehbacaan Buku-buku Teks Bahasa Malaysia teras dengan Buku-buku Teks Bahasa Malaysia Ting. Satu Menggunakan Prosedur Kloz	69
V	KESIMPULAN DAN CADANGAN	76
	Kesimpulan	76
	Cadangan	83
	Cadangan Kajian Lanjut	85
	BIBLIOGRAFI	87
	LAMPIRAN	93
A	Petikan Yang Diambil Daripada Buku-buku Teks Bahasa Malaysia Tingkatan Satu Bagi Formula Khadijah Rohani	93
B	Cara Pengiraan Tahap Kebolehbacaan Buku-buku Teks Bahasa Malaysia Ting. Satu Dengan Menggunakan Formula Khadijah Rohani	104
C	Prosedur Kloz Daripada Buku-buku Teks Bahasa Malaysia Ting. Satu	111
D	Jawapan Prosedur Kloz	122

Senarai Jadual

Jadual	Halaman
1. Tajuk Petikan Daripada Tiap-Tiap Judul Buku Teks Bahasa Malaysia Tingkatan Satu	39
2. Menukar Tahap kebolehbacaan Pada Darjah dan Tingkatan Dengan Menggunakan Formula Khadijah Rohani	46
3. Ujian Klok Berdasarkan Peraturan Skor Mengikut Skala Anderson (1971)	47
4. Tahap kebolehbacaan Buku-Buku Teks Bahasa Malaysia Tingkatan Satu, KBSM Dengan Menggunakan Formula Khadijah Rohani	53
5. Markat Purata Mengikut Petikan Dalam Buku-Buku Teks Bahasa Malaysia Tingkatan Satu Dengan Menggunakan Prosedur Klok.	57
6. Perbandingan Tahap Kebolehbacaan Buku-Buku Teks Bahasa Malaysia Tingkatan Satu Dengan Menggunakan Formula Khadijah Rohani dan Prosedur Klok	64
7. Min, Sisihan Piawai dan Ujian t Tahap Kebolehbacaan BM Teras Dengan Bahasa Malaysia Perintis Menggunakan Prosedur Klok	69
8. Min, Sisihan Piawai dan Ujian t Tahap Kebolehbacaan BM Teras Dengan Bahasa Malaysia Dinamik Menggunakan Prosedur Klok	70
9. Min, Sisihan Piawai dan Ujian t Tahap Kebolehbacaan BM Teras Dengan Kursus Bersepadu Bahasa Malaysia Menggunakan Prosedur Klok	71
10. Min, Sisihan Piawai dan Ujian t Tahap Kebolehbacaan BM Teras Dengan Bahasa Malaysia Progresif Dewan Menggunakan Prosedur Klok	72

11.	Min, Sisihan Piawai dan Ujian t Tahap Kebolehbacaan BM Teras Dengan Titian Bahasa Malaysia Menggunakan Prosedur Klot	73
12.	Min, Sisihan Piawai dan Ujian t Tahap Kebolehbacaan BM Teras Dengan Canai Bahasa Malaysia Menggunakan Prosedur Klot	74

Abstrak projek yang dikemukakan kepada Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi sebahagian syarat
bagi mendapatkan Ijazah Master Sains.

**MENILAI TAHAP KEBOLEHBACAAN BUKU-BUKU TEKS
BAHASA MALAYSIA TINGKATAN SATU KBSM**

Oleh

JASIMAH BINTI HASHIM

MEI, 1998

Penyelia : Encik Mohd. Zainuddin bin Hashim

Fakulti : Pengajian Pendidikan

Kajian ini bertujuan untuk menentu dan membandingkan tahap kebolehbacaan buku-buku teks Bahasa Malaysia, Tingkatan Satu, dengan menggunakan Formula Khadijah Rohani (1982) dan Prosedur Kloz. Kajian ini juga melihat perbezaan tahap kebolehbacaan buku teks *Bahasa Malaysia Teras* dengan buku-buku teks Bahasa Malaysia Tingkatan Satu yang lain dengan menggunakan Prosedur Kloz. Reka bentuk kajian ini ialah tinjauan deskriptif dan analisis kandungan.

Bagi menentukan tahap kebolehbacaan buku-buku teks Bahasa Malaysia Tingkatan Satu, dua kaedah digunakan iaitu Formula Kebolehbacaan Khadijah

Rohani (1982) dan Prosedur Kloz Kedua-dua kaedah ini, mengambil tiga petikan yang sama pada setiap judul buku teks iaitu pada bahagian permulaan, pertengahan dan akhir Sampel kajian ini terdiri daripada 30 orang pelajar Tingkatan Satu, Sekolah Tinggi Muar yang menduduki Ujian Kloz dan skala Anderson berdasarkan skor peratusan digunakan untuk menentukan tahap kebolehbacaan buku-buku teks tersebut Data yang diperoleh daripada Ujian Kloz ini juga dianalisis dengan menggunakan ujian t bersandar bagi menunjukkan perbandingan tahap kebolehbacaan antara dua buah buku teks tersebut

Dapatan kajian menunjukkan tahap kebolehbacaan buku-buku teks Bahasa Malaysia, Tingkatan Satu KBSM adalah berbeza dengan menggunakan Formula Khadijah Rohani Tahap kebolehbacaan buku-buku teks tersebut ialah antara 6 607 yang terendah hingga 8 472 yang tertinggi Hanya tiga judul buku teks Bahasa Malaysia Tingkatan Satu yang paling sesuai digunakan untuk pelajar Tingkatan Satu yang tahap pencapaiannya sederhana iaitu *Bahasa Malaysia Teras*, *Kursus Bersepadu Bahasa Malaysia* dan *Titian Bahasa Malaysia* Bagi buku teks *Bahasa Malaysia Perintis*, tahap kebolehbacaannya tinggi sesuai bagi pelajar Tingkatan Satu yang cerdas Tiga judul buku teks iaitu *Bahasa Malaysia Dinamik*, *Bahasa Malaysia Progresif Dewan* dan *Canai Bahasa Malaysia*, tahap kebolehbacaannya rendah sesuai untuk pelajar Tingkatan Satu yang lemah

Hasil kajian ini juga menunjukkan markat purata daripada Prosedur Kloz bagi buku-buku teks Bahasa Malaysia Tingkatan Satu juga berbeza. Kebanyakan petikan yang terdapat dalam buku-buku teks Bahasa Malaysia Tingkatan Satu mempunyai markat purata antara 45% hingga 57%. Petikan tersebut sesuai digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah serta guru perlu memberi bimbingan kepada pelajar Tingkatan Satu untuk memahami petikan tersebut. Dapatan kajian juga menunjukkan, dua belas petikan berada pada tahap bacaan bebas dan tiga petikan berada pada tahap bacaan kecewa .

Dapatan kajian dari segi perbandingan tahap kebolehbacaan buku-buku teks Bahasa Malaysia Tingkatan Satu dengan menggunakan Formula Khadijah Rohani dan Prosedur Kloz, menunjukkan tiada perbezaan tahap kebolehbacaan bagi lima judul buku teks iaitu *Bahasa Malaysia Perintis*, *Bahasa Malaysia Dinamik*, *Kursus Bersepadu Bahasa Malaysia*, *Titian Bahasa Malaysia*, dan *Canai Bahasa Malaysia*.

Kajian ini juga membandingkan tahap kebolehbacaan buku teks *Bahasa Malaysia Teras* yang digunakan oleh pelajar Tingkatan Satu Sekolah Tinggi Muar dengan buku-buku teks Bahasa Malaysia Tingkatan Satu yang lain dengan menggunakan Prosedur Kloz. Dapatan kajian menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan tahap kebolehbacaan bagi empat judul buku teks Bahasa Malaysia

Tingkatan Satu dengan buku teks *Bahasa Malaysia Teras* Bagi buku teks *Bahasa Malaysia Perintis*, $t(29) = -2.44$, $p = .05$, *Kursus Bersepadu Bahasa Malaysia* $t(29) = -3.63$, $p = .05$ dan *Bahasa Malaysia Progresif Dewan*, $t(29) = 3.34$, $p = .05$ tahap kebolehbacaannya tinggi jika dibandingkan dengan buku teks *Bahasa Malaysia Teras*. Bagi buku teks *Cana! Bahasa Malaysia* terdapat perbezaan yang signifikan $t(29) = -2.46$, $p = .05$ dengan buku teks *Bahasa Malaysia Teras*.

Daripada dapatan kajian boleh dirumuskan bahawa kedua-dua kaedah iaitu Formula Khadijah Rohani dan Prosedur Klotz sesuai digunakan untuk menentukan tahap kebolehabacaan buku-buku teks sama ada buku teks Bahasa Malaysia atau buku teks mata pelajaran yang lain.

Abstract of project presented to the Faculty of Educational Studies,
Universiti Putra Malaysia in partial fulfillment of the requirements
for the Degree of Master of Science.

**EVALUTE READABILITY STAGE IN THE
INTERGRATED CURRICULUM SECONDARY SCHOOL (ICSS)
BAHASA MALAYSIA FORM ONE TEXTBOOKS**

By

JASIMAH BINTI HASHIM

MAY, 1998

Supervisor : Encik Mohd. Zainuddin bin Hashim

Faculty : Faculty of Educational Studies

The aims of this research are to determine and to compare the readability stage of Bahasa Malaysia Text books using the Khadijah Rohani (1982) and Klotz Procedure. It is also to observe the difference in the readability stage between *Bahasa Malaysia Teras* textbook with the other Bahasa Malaysia Form One textbooks using the Klotz Procedure. The methodology of the research are descriptive monitoring and content analysis.

In order to determine the readability of the textbooks, both, Khadijah's Readability Formula (1982) and Klotz's Procedure are utilized. These two methods, used similar excerpts with the same length taken from the beginning, middle and ending parts of each textbook. The research samples consisted of 30, Form One, Muar High School's students that undergo the Klotz Test while the percentage score based on the Anderson's scale is used to determine the readability stage of the textbooks. The data accumulated from the Klotz's test are analysed using the t test paired sample to show the comparison of readability stage between those two textbooks.

The results of the research show that there are differences in readability stage of the Bahasa Malaysia Form One textbooks when experimented with Khadijah's Formula. The stage of readability varied from 6.607 to 8.472. It is distinct that only these 3 titles of the Bahasa Malaysia textbooks, *Bahasa Malaysia Teras*, *Kursus Bersepadu Bahasa Malaysia* and *Titian Bahasa Malaysia*, are the most suitable titles to be used by the students although their achievements are moderate. As for *Bahasa Malaysia Perintis*, the readability stage is high and suit the excellent Form One students, but for *Bahasa Malaysia Dinamik*, *Bahasa Malaysia Progresif Dewan* and *Canai Bahasa Malaysia* textbooks the readability stage is low and only suitable for the weaker Form One student.

The research outcomes also display a variety of average marks obtained from Klotz Procedures. Most of the excerpts contained in the Bahasa Malaysia Form One textbooks gain an average mark between 45% to 57%. Those excerpts are also found suitable to be manipulated in teaching and learning process as teacher should instruct the Form One students to comprehend. The results also show that 12 excerpts are at the free reading stage while 3 others are below par.

The results as observed from the facet of comparison of the readability stage of Bahasa Malaysia, Form One textbook experimented with Khadijah's Formula and Klotz Procedures show no difference in the readability stage of five textbooks titled, *Bahasa Malaysia Perintis*, *Bahasa Malaysia Dinamik*, *Kursus bersepadu Bahasa Malaysia*, *Titian Bahasa Malaysia* and *Canai Bahasa Malaysia*.

This research also compares the readability stage of *Bahasa Malaysia Teras* textbook used by Form one Student of Sekolah Tinggi Muar with the other Bahasa Malaysia Form One textbooks using Klotz Procedure. The outcomes of research show that there are significant differences in the readability stage four titles of Bahasa Malaysia textbooks compared to the *Bahasa Malaysia Teras*. For these textbooks, *Bahasa Malaysia Perintis* is $t(29) = -2.44$, $p = .05$, *Kursus Bersepadu Bahasa Malaysia*, $t(29) = -3.63$, $p = .05$, and *Bahasa Malaysia Progresif Dewan*

$t(29)=3.34$, $p=.05$, the readability stage is high compared to Bahasa Malaysia Teras textbook. For *Canai Bahasa Malaysia* textbook there is a significant difference of $t(29)=-2.46$, $p=.05$ to *Bahasa Malaysia Teras*.

In conclusion, from the outcomes to the research is these two methods, Khadijah Rohani and Klotz Procedure are suitable to determine the readability stage of textbooks either the Bahasa Malaysia or other subjects textbooks.

BAB 1

PENDAHULUAN

PENGENALAN

Buku teks memainkan peranan penting dalam sistem pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Walaupun telah ada pelbagai alat bantu mengajar yang moden dan canggih tetapi keperluan buku teks sebagai alat dalam proses pengajaran dan pembelajaran tidak dapat dinafikan. Menurut Ishak Haron (1977) masyarakat di Malaysia masih kekurangan bahan-bahan bertulis di sekolah dan di rumah, oleh itu buku teks menjadi sumber utama untuk memperbaiki dan meningkatkan tahap pembacaan kanak-kanak.

Buku-buku teks juga merupakan bahan yang mudah dibawa dan dirujuk serta boleh digunakan berulang kali oleh pelajar. Menurut Pearce (1983) buku teks merupakan alat yang paling berkesan untuk meningkatkan mutu pencapaian akademik para pelajar. Sementara itu Laporan kabinet (1988 : 202) pula menetapkan bahawa buku teks merupakan satu penentuan yang penting tentang pencapaian pelajar di sekolah.

Kenyataan tersebut membuktikan ketegasan Kementerian Pendidikan Malaysia menerima buku teks sebagai sumber penting dalam penyediaan dan penyampaian isi pelajaran supaya tidak terkeluar daripada Sukatan Pelajaran yang ditetapkan

Deighton (1971) telah mengemukakan beberapa ciri buku teks seperti berikut

- 1 buku teks telah memperkenalkan sesuatu disiplin daripada mudah kepada kompleks, daripada konkrit kepada abstrak
- 2 istilah baru diberikan definisi dan pengertian
- 3 konsep diperkembangkan dan digunakan dalam pelbagai konteks
- 4 ulangan dan andaian dikemukakan sebelum bahan baru diperkenalkan, dan
- 5 peta, carta, graf, jadual dan ilustrasi digunakan untuk menerangkan teks

Daripada ciri-ciri yang di atas, jelas menunjukkan bahawa buku teks berbeza dengan buku-buku lain seperti buku panduan, buku yang berbentuk deskriptif berhubung dengan sesuatu bidang atau perkara. Buku teks mempunyai ciri-ciri yang tersendiri dan penghasilannya mestilah mengikut garis panduan dan kriteria yang ditentukan berdasarkan sukatan pelajaran dan kehendak kurikulum

Buku teks yang baik mesti dapat berfungsi sebagai bahan pengajaran tambahan kepada usaha pengajaran guru di samping dapat memperkukuh keyakinan para pelajar terhadap bidang ilmu pengetahuan yang dipelajari (Mohd Jonit Mohd Johari dan Arpan Shahbudin Latip, 1995 : 880)

Menurut Gopinathan (1983) dalam kajiannya tentang peranan buku teks di negara-negara Asia menjelaskan bahawa guru-guru masih memerlukan buku-buku teks untuk menyampaikan ilmu pengetahuan. Ini menunjukkan bahawa proses pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah masih berfokus kepada buku teks dan menguasai suasana pembelajaran. Oleh itu buku teks seharusnya menarik, padat, tersusun dari aspek pedagogi dan memenuhi keperluan kurikulum.

Heyneman, Farell dan Sepulveda-Stuarelo (1981) yang membuat kajian tentang buku teks dan pencapaian pelajar di negara-negara membangun seperti Thailand, Uganda, Chile, El Salvador, Ecuador, Ghana, Brazil, Iran, dan Malaysia menunjukkan bahawa ada kaitan yang positif di antara buku teks dengan pencapaian akademik. Kesan pemberian buku teks kepada para pelajar sangat penting terutama kepada pelajar daripada sosio-ekonomi rendah.

Lim (1974) pula membuat kajian tentang kebiasaan membaca dan minat para pelajar tingkatan enam. Hasil kajiannya menunjukkan para pelajar di Malaysia lebih banyak membaca buku-buku teks daripada buku-buku yang lain.

Kajian-kajian yang telah dijalankan oleh beberapa orang penyelidik jelas menggambarkan bahawa pengguna utama buku teks ialah guru dan pelajar. Dalam proses pengajaran dan pembelajaran, buku teks telah dijadikan sumber rujukan utama untuk mendapatkan isi kandungan pelajaran kerana ia merangkumi isi sukatan pelajaran yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Buku teks juga berfungsi sebagai bahan rujukan asas yang mudah diperolehi kerana isi kandungannya yang tersusun mengikut Sukatan Pelajaran. Malah, di Malaysia buku teks boleh berperanan sebagai alat bantu utama dalam pembelajaran dan penilaian.

Pada tahun 1988, Kementerian Pendidikan Malaysia telah memperakukan tujuh judul buku teks bagi mata pelajaran Bahasa Malaysia Tingkatan Satu untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran di sekolah menengah. Kesemua buku teks ini ditulis oleh penulis-penulis yang mempunyai latar belakang, kelayakan dan pengalaman yang berbeza-beza, iaitu daripada guru-guru yang berkelulusan maktab perguruan hingga kepada pensyarah universiti. Walau bagaimanapun penulis-penulis ini menulis berdasarkan garis panduan yang telah ditetapkan oleh pihak Pusat

Perkembangan Kurikulum dan Bahagian Buku Teks Kementerian Pendidikan Malaysia. Namun begitu, buku-buku teks ini apabila dikaji, didapati tidak seratus peratus menepati kehendak kurikulum sebagaimana yang disarankan kepada penerbit-penerbit berkenaan. Tambahan pula, tiap-tiap buku teks itu ditulis mengikut gaya penulis dan editor masing-masing, maka terdapatlah kekuatan dan kelemahannya.

Oleh itu, keputusan perlu dibuat oleh Bahagian Buku Teks untuk memilih judul buku teks yang paling sesuai sekali dengan kehendak kurikulum. Di peringkat sekolah menengah rendah, lebih daripada satu judul buku teks Bahasa Melayu telah dipilih dan diperakukan oleh Bahagian Buku Teks. Ini untuk membolehkan pihak sekolah memilih satu judul buku teks Bahasa Melayu yang paling sesuai dengan tahap kebolehan pelajar di sekolah masing-masing.

Kawalan mutu buku teks ini dijalankan melalaui proses penaksiran. Sebelum kelulusan penerbitan diberikan, semua buku teks perlu melalui satu proses penghasilan yang membabitkan beberapa peringkat iaitu :

- i. pengubalan Sukatan Pelajaran
- ii. penghasilan manuskrip
- iii penyerahan manuskrip
- iv. proses penaksiran
- v. peningkatan mutu manuskrip, dan
- vi. penetapan harga buku

PERNYATAAN MASALAH

Dalam proses penilaian untuk mendapatkan buku-buku teks yang berkualiti, guru-guru memberi tumpuan kepada dua perkara iaitu masalah-masalah yang terdapat dalam buku teks seperti perkembangan isi kandungan atau idea yang sepatutnya wujud sebagai isi pembelajaran yang dikehendaki dan mutu buku-buku teks tersebut. Pada dasarnya, penulis-penulis buku teks perlu arif tentang faktor-faktor yang perlu ada dalam sesebuah buku teks seperti kandungan sukatan pelajaran, format dan organisasi. Perhatian sewajarnya perlu diberi ke atas faktor-faktor kesukaran buku teks itu, yang boleh ditentukan melalui tahap kebolehbacaan. Bagi guru-guru yang diberi tanggungjawab memilih buku-buku teks ini mestilah prihatin akan objektif, kebolehan dan kemampuan pelajar, latar belakang dan persekitaran pelajar, termasuklah lokasi sekolah dan isi kandungan buku teks itu sendiri.

Penentuan kualiti buku-buku teks ini pula bergantung kepada bahan-bahan yang membolehkan seseorang itu memahami dan menggalakkan pelajar terus membaca. Dalam hal ini, kajian kebolehbacaan bertujuan mencari titik penentuan kesepadanan pembaca dengan bahan bacaan yang dibaca.

Walaupun Bahagian Buku Teks di Kementerian Pendidikan Malaysia menggunakan kriteria penaksiran yang agak 'rigid' untuk mendapatkan buku-buku teks yang berkualiti, namun tahap pemeringkatan buku teks yang sebenar berbanding dengan kebolehan pelajar tidak ditentukan melalui satu indeks tahap kebolehbacaan buku-buku teks yang berkenaan. Sebaliknya pula, tahap pemeringkatan ini hanya bergantung kepada andaian penilai atau penaksir sahaja berasaskan bahasa.

Kebanyakan guru-guru di Malaysia pula membuat andaian bahawa buku-buku teks atau bahan bacaan yang ditulis untuk sesuatu peringkat adalah sesuai untuk semua pelajar dalam peringkat itu (Khadijah Rohani, 1989). Oleh itu dirasakan perlu ada satu indeks kebolehbacaan bagi buku-buku teks Bahasa Malaysia KBSM Tingkatan Satu, untuk menentukan tahap kesesuaian buku-buku teks yang dipilih itu sama ada terlalu sukar atau terlalu mudah bagi pelajar. Buku teks yang terlalu sukar, boleh menghilangkan minat pelajar untuk memperoleh ilmu pengetahuan. Sebaliknya pula, jika terlalu mudah, buku teks berkenaan tidak mencabar kebolehan pelajar, malah melemahkan minat mereka untuk terus membaca.

Buku-buku teks Bahasa Malaysia Tingkatan Satu yang digunakan di sekolah-sekolah adalah berbeza antara satu sama lain. Pihak Kementerian Pendidikan Malaysia telah memperakukan tujuh judul buku teks Bahasa Malaysia Tingkatan Satu KBSM digunakan di sekolah-sekolah di seluruh